

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 29 Mac 2021 10:34 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Siri 'Coffee & Chat' Beri Kesedaran Jenayah Kepada Remaja



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MAC 2021 / 15 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Syazwina Isanuddin
Gambar oleh: UECSB

SIRI 'COFFEE & CHAT' BERI KESEDARAN JENAYAH KEPADA REMAJA



UUM ONLINE: Siri 'Coffee & Chat' Dr. Saralah Devi Mariamdarman Chethiyar bertemu kembali dengan Program Dadah & Undang-Undang: Kesedaran Remaja Digital yang berlangsung selama dua hari, baru-baru ini.

Program anjuran pelajar Sarjana Sains Koreksional Kampus Sintok bersama Unit Latihan & Konsultansi (UTRACY) Uniutama Education Consultancy Sdn. Bhd. (UECSB); Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Perlis dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis itu bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang jenayah dalam era digital kini.

Pengarah projek, Muhammad Faiq Mohd Lazim berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti kelas dan pada masa sama mereka berpeluang menimba pengalaman mengendalikan program yang diadakan secara maya.

Menurutnya, pelajar Sarjana Sains Koreksional telah dilatih dengan penuh keyakinan dalam memberikan pelbagai bentuk intervensi dalam apa jua keadaan untuk terus mendidik masyarakat pada masa akan datang.

Program itu telah dirasmikan Pengarah AADK Perlis, Khairul Anwar Ahmad yang menjelaskan bahawa dalam dunia alam maya kini masyarakat perlu bersedia menerima didikan secara atas talian terutamanya zaman pandemik Covid-19.

Sementara itu, Penasihat program, Dr. Saralah Devi berkata, dalam banyak-banyak Siri 'Coffee & Chat' yang dianjurkan, Program Dadah & Undang-Undang: Kesedaran Remaja Digital telah mencatatkan rekod penglibatan yang paling tinggi iaitu seramai 200 penyertaan dari pelbagai lingkungan umur dari 13 tahun sehingga 55 tahun terdiri pelajar UUM, pelajar sekolah dan juga kakitangan PDRM, JPN Perlis dan AADK Perlis.

Menurutnya, seramai lapan penceramah dijemput untuk membincangkan topik-topik seperti Peranan dan Pengenalan AADK; Pengenalan kepada Dadah & Akta dan Rawatan: Dadah serta Jenis-Jenis Bahan Terlarang termasuk perkongsian bekas penagih dadah.

Dr. Saralah Devi yang juga pengasas Siri 'Coffee & Chat' merumuskan bahawa hukuman-hukuman yang telah diwartakan bukan suatu pembalasan atau meragut nyawa ke atas jenayah yang telah dilakukan, malah ia merupakan suatu pemulihan atau sistem koreksional (intervensi) terhadap jenayah yang telah dilakukan.

"Kenyataan ini jelas dalam '*Restorative Justice; A restorative justice program aims to get offenders to take responsibility for their actions, to understand the harm they have caused, to give them an opportunity to redeem themselves and to discourage them from causing further harm*' by Gade (2020) in 'Is Restorative Justice Punishment?'," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.